

ANALISIS VISUAL SOSIAL BERITA BERPANDUKAN PENDEKATAN ANALISIS NILAI BERITA DISKURSIF

DARWALIS SAZAN
Universiti Sains Malaysia
darwalissazan@usm.my

ABSTRAK

Secara umum, kajian ini mengetengahkan ciri-ciri nilai berita di sebalik visual terpilih dalam akhbar Utusan Malaysia berpandukan pendekatan analisis visual berita diskursif. Visual berita dalam akhbar dilihat sebagai sumber tarikan umum dan salah satu fungsi penting bagi menjelaskan gambaran sebenar sesuatu konteks peristiwa yang dipaparkan. Pemvisualan berita jarang diketengahkan cirinya yang mendasari konteks visual nilai berita selain menyumbang kesensasian isu berita. Dalam hal ini, kajian lanjut perlu dilaksanakan dengan mengambil kira kekurangan kajian dari aspek yang dibincangkan dan ketandusan data yang sukar diperolehi. Data kajian yang digunakan ialah data visual akhbar Utusan Malaysia. Kajian ini dijalankan dengan mengaplikasi pendekatan kualitatif dan penghuraian secara deskriptif. Pemilihan data dalam kajian ini hanya melibatkan data dari isu sosial. Sebanyak 25 data visual berita melibatkan isu sosial dianalisis dalam kajian ini. Selanjutnya, analisis kajian ini dijalankan berpandukan kerangka pendekatan Analisis Nilai Berita Diskursif oleh Bednarek & Caple (2017). Hasil kajian dalam visual berita akhbar Utusan Malaysia dari aspek isu sosial menunjukkan bahawa setiap visual yang digambarkan sememangnya dipengaruhi oleh setiap ciri-ciri nilai berita stereotaip, keelitan, impak, negatif dan positif. Dalam kajian ini, visual nilai berita keelitan dan negatif menunjukkan nilai berita paling dominan dalam setiap isu sosial akhbar Utusan Malaysia. Setiap paparan visual berita berdasarkan ciri nilai berita dalam akhbar ini mempunyai signifikasi yang tertentu dalam mempengaruhi pembaca.

Kata kunci: Akhbar; nilai berita; Utusan Malaysia; sosial; visual

VISUAL ANALYSIS OF SOCIAL NEWS BASED ON DISCURSIVE NEWS VALUE ANALYSIS APPROACH

ABSTRACT

In general, this study highlights the features of news value behind selected visuals in Utusan Malaysia newspaper based on the approach of discursive news visual analysis. News visuals in newspapers are seen as a source of general attraction and one of the important functions to explain the true picture of the context of the events displayed. News visualization is rarely highlighted for its features that underlie the visual context of news value besides contributing to the sensationalism of news issues. Further research needs to be carried out due to the lack of research and data from the aspects discussed and difficult to obtain. The research data used is

the visual data of Utusan Malaysia newspaper. This study was conducted by applying a qualitative approach and descriptive analysis. The selection of data in this study only involves data from social issues. A total of 25 news visual data involving social issues were analyzed in this study. Furthermore, the analysis of the study was conducted based on the theoretical framework of Discursive News Value Analysis by Bednarek & Caple (2017). The results of the study of Utusan Malaysia news visuals from the aspect of social issues show that every visual that is depicted is indeed influenced by every feature of news value, which are stereotype, eliteness, impact, negative, and positive. In this study, eliteness and negative visuals are the most dominant social issues in Utusan Malaysia. Each visual display of news based on the characteristics of news value in this newspaper has a certain significance in influencing readers.

Keywords: newspapers; news value; Utusan Malaysia; social; visual

PENGENALAN

Akhbar pada masa ini diibaratkan sebagai gedung maklumat. Segala topik dan isu yang melibatkan hal semasa dunia boleh diperolehi dengan mudah secara harian dan dilihat sebagai satu medium yang amat baik untuk masyarakat dalam memperoleh maklumat semasa. Menurut sejarah awal akhbar sebelum Perang Dunia Kedua, dikatakan bahawa fungsinya sebagai penyebar maklumat telah pun diakui dan akhbar berbahasa Melayu misalnya pada ketika itu berfungsi sebagai penyumbang aspirasi bangsa dan penyambung cita-cita (Hasmidar, Nurerna Aidan & Norsofiah, 2022). Shafie & Ahmad (2017) turut menyatakan bahawa peranan akhbar mendorong semangat nasionalisme dalam kalangan masyarakat lebih-lebih lagi sebelum merdeka. Shahrul Nazmi & Ong (2016) menjelaskan bahawa akhbar berperanan besar dalam menyampaikan berita dan kebenaran kepada publik malah Shahrul Nazmi & Hamed (2014) menjelaskan bahawa perkembangan akhbar dikatakan bermula sekitar abad ke-19 dan antara akhbar yang berkembang pada abad ini ialah akhbar Bustan Ariffin, Jawi Peranakan dan New Straits Times Press. Perkembangan akhbar semakin bertambah maju disebabkan teknologi media cetak yang berubah kepada teknologi digital dan dunia tanpa sempadan yang membenarkan masyarakat untuk memperoleh maklumat melalui akhbar dalam talian (Siti Suriani, et al. 2018).

Di Malaysia kini boleh dikatakan bahawa terdapat pelbagai dimensi yang diterapkan dalam bidang penerbitan, komunikasi dan media massa dalam membina platform yang lebih luas kepada masyarakat khususnya kepada bentuk jaringan akhbar dalam talian yang pelbagai (Jamilah Hamzah et al. 2020). Misalnya di Malaysia, akhbar dalam talian telah pun meningkat dari masa ke masa, yakni Utusan Malaysia, Malaysiakini, Berita Harian, Kosmo, The Star, Sinar dan lain-lain. Menurut Shahrul & Normah (2015) peningkatan akhbar digital telah meningkat semenjak 2012 dan menyebabkan akhbar bercetak semakin merosot. Dalam hal ini, Roosfa (2012) menjelaskan bahawa pengaruh gambar, mesej dan simbol memainkan peranan yang besar dalam sesebuah akhbar, majalah mahupun picesan khususnya dilihat dari sudut kualiti bahan penerbitan.

Namun begitu, perkembangan akhbar juga bukan sahaja dilihat dari aspek kepesatan dan kecanggihan teknologi semasa yang memudahkan masyarakat, malah aspek idea dan penyampaian itu sendiri amat penting (Varzandeh, 2018). Berdasarkan pandangan Chamil (2008), peranan editor dan wartawan amat penting dalam mengetengahkan persepsi dan

perbincangan penting bagi penerbitan isu semasa berita termasuklah berita baik dan berita buruk. Dalam hal ini, Drok & Hermans (2015) dan Zaim Zaiman & Zhahreen (2018) turut menegaskan bahawa kepesatan teknologi dalam dunia akhbar cenderung memperlihatkan kepentingan pengarang, seperti impak advokasi dan alat demokrasi maklumat.

Umumnya, kajian akhbar dan fungsi akhbar banyak diketengahkan dan dibincangkan dengan lanjut oleh para sarjana. Perkara utama yang diketengahkan dalam kajian ini melibatkan aspek visual berita berdasarkan penyesuaian dan pengaplikasian kerangka teori Analisis Nilai Berita Diskursif. Kajian ini yang difokuskan kepada aspek visual melibatkan pemilihan visual berita yang terdapat dalam akhbar berdasarkan perspektif pengarang.

Dalam kajian ini melibatkan visual berita. Visual berita ini mempunyai signifikansi dalam menyampaikan mesej yang tertentu kepada pembaca. Kajian visual berita melibatkan teori nilai berita diskursif dikenal pasti dalam setiap visual yang dipaparkan dalam akhbar berdasarkan individu atau peserta dalam imej. Setiap ciri visual ini dapat dijelaskan dalam kategori nilai berita yang mendasarinya justeru ciri visual yang diketengahkan berupaya menonjolkan nilai berita dalam visual (Asim Imran, 2022). Peranan fungsi visual berita dalam akhbar ini menonjolkan perspektif pengarang yang mempengaruhi ideologi pembaca berdasarkan ciri visual dan sebagai kriteria pemilihan visual. Antara contoh fungsi visual yang terdapat dalam wacana akhbar merupakan satu fungsi komunikatif imej dalam berita, konteks yang menyokong penggunaan imej berita, mengkaji kedudukan imej dalam organisasi berita dan hubungan perkataan dengan (Makki, 2019).

Sehubungan dengan itu, aspek visual dari dimensi lain juga memainkan peranan yang penting dalam wacana akhbar, malah setiap visual yang dipaparkan dinyatakan sebagai satu peristiwa nyata (Mulyati, et al., 2023). Selain itu, imej juga berperanan sebagai bukti, ikon, estetika dan penilaian dalam akhbar. Penghasilan akhbar menerusi paparan visual juga akan menarik minat pembaca untuk mengetahui berita yang disampaikan dengan lebih lanjut (Huan, 2015). Dalam hal ini, dari sudut perspektif organisasi akhbar, kepercayaan pembaca terhadap akhbar dilihat berdasarkan visual, yakni makna dibina berdasarkan sumber tersebut selain sumber verbal (Bednarek & Caple, 2017).

Sebagaimana kajian lalu, kajian terhadap visual dalam berita lazimnya jarang diketengahkan dalam aspek visual berita yang merangkumi beberapa kategori dan komponen berpandukan teori nilai berita diskursif. Kajian ini juga berlandaskan kepada kajian wacana visual yang sedikit berbeza dengan kajian visual dalam media dan komunikasi massa. Berdasarkan pandangan Mohd Hamdan Adnan (2015) kajian visual melibatkan berita kurang diketengahkan disebabkan kajian visual ini merupakan kajian separa linguistik. Visual berita dapat dilihat berdasarkan visual yang dipilih oleh pengarang kepada pembaca (Sarimah & Hamedi, 2011). Walaupun ia melibatkan imej dalam akhbar, namun pemilihan visual itu sendiri turut menonjolkan perspektif pengarang yang tersendiri.

Dalam hal ini, terdapat kelompangan yang sedia ada melibatkan aspek yang dibincangkan terutamanya dalam akhbar berbahasa Melayu di Malaysia. Limitasi dalam kajian yang mengaplikasikan pendekatan dan penggunaan kerangka teoretis dari cakupan linguistik dan separa linguistik berdasarkan nilai berita akhbar juga sangat ketara. Kajian visual yang mendasari cakupan linguistik dan separa linguistik begitu signifikan dalam melihat sumber visual nilai berita dalam akhbar terhadap pembaca. Selain itu, pendekatan dan penggunaan kerangka teoretis dalam penyelidikan wacana visual akhbar berdasarkan unsur linguistik dan separa linguistik, dilihat sebagai satu kewajaran dan galakan untuk memperoleh pelbagai

dapatan baharu. Dapatan baharu ini boleh dijadikan sebagai kayu ukur kepada cabang ilmu linguistik bagi kajian wacana visual akhbar.

Oleh itu, kita juga dapat memperlihatkan bentuk wacana akhbar melalui pembentukan visual berita dalam akhbar Utusan Malaysia. Pandangan Sofian & Hussein (2018) menyatakan bahawa hubungan perspektif karangan dan visual berita berupaya mempengaruhi sesuatu isu yang dilaporkan yang menyumbang kepada kesatuan wacana dalam akhbar.

OBJEKTIF DAN KEPENTINGAN

Visual merupakan salah satu aspek yang signifikan dalam sesebuah berita. Visual dapat dilihat berdasarkan kandungan dan ciri imej dalam mengetengahkan sesuatu mesej, sama ada peserta dalam imej (individu), tempat, latar belakang, warna dan lain-lain (Barthes & Matthiesen, 1991; 1997). Aspek visual yang dilihat sebagai separa linguistik ini banyak digambarkan dalam akhbar, majalah, poster dan lain-lain. Penggunaan visual ini lazimnya wujud dalam dua nilai visual yang utama, yakni melibatkan visual positif dan visual negatif. Darwalis et al. (2021) turut menyatakan bahawa peranan visual juga boleh diwujudkan dalam salah satu mod positif dan negatif malah ia boleh didasari oleh mod visual berdasarkan penganalisisan semiotik, paralinguistik dan separa linguistik.

Objektif kajian ini adalah untuk menganalisis sumber visual yang terdapat dalam akhbar Utusan Malaysia berdasarkan cakupan separa linguistik seperti, (i) mengenal pasti dan mengkategorikan sumber visual dalam akhbar Utusan Malaysia berpandukan teori analisis nilai berita diskursif (ii) mengenal pasti kategori visual nilai berita yang paling dominan dalam akhbar Utusan Malaysia. Dalam hal ini, setiap ciri visual dalam akhbar mempunyai potensi yang besar dan masyarakat lebih memilih untuk melihat imej terlebih dahulu berbanding dengan laporan berita (Rohayati Paidi & Asmadi Hassan, 2021). Setiap visual dapat menghubungkan peristiwa secara semulajadi yang menghubungkan pembaca dengan realiti peristiwa dalam akhbar.

Oleh hal yang demikian, kajian ini cuba mengetengahkan kepentingan kajian visual berdasarkan teori nilai berita diskursif dalam akhbar Utusan Malaysia di samping melihat ciri-ciri visual melalui pengkategorian nilai berita. Amatlah penting dalam mengemukakan bukti dalam membezakan kajian berlandaskan cakupan bidang linguistik, separa linguistik mahupun komunikasi massa dan media.

Sepetimana yang dihuraikan, penelitian lalu menunjukkan bahawa kebanyakan para sarjana mengetengahkan kajian visual dalam cakupan bukan linguistik atau separa linguistik. Kajian lalu lebih mengisi ruang kajian visual dalam kajian media, komunikasi massa, seni visual dan pendidikan seni dan lain-lain. Antaranya kajian oleh Montgomery (2007), Normah Mustaffa et al. (2011), Normah Mustaffa & Faridah Ibrahim (2018), Ezal Daud, Ruslan Abdul Rahim & Saiful Akram Che Cob (2020) dan lain-lain. Kajian ini merangkumi perbincangan dari cakupan luar bidang linguistik dan kajian melibatkan visual dan nilai berita amat jarang dan sukar diperolehi. Sebagaimana penelitian dalam contoh kajian tempatan yang dinyatakan, kajian ini lebih tertumpu kepada visual pbingkaian berita dan sumber visual dalam berita dari ruang lingkup media dan komunikasi. Kajian sebegini terbatas kepada tujuan visual dan maknanya. Berdasarkan kajian tempatan seperti Mohd Yahya Mohamed Ariffin (2004) menghasilkan kajian tentang pelaporan berita dan gambar-gambar sukan luar negara dalam akhbar tempatan. Kajian beliau memfokuskan tentang liputan berita melibatkan visual agensi berita Associated Press (AP) dan Agence France-Presse (AFP) melalui bahan dan gambar semasa Piala Dunia FIFA 2002.

Kajian lain seperti Mus Chairil Samani & Badrul Redzuan Abu Hassan (2008) meneliti kajian dari aspek makna tersirat berdasarkan imej Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI).

Walaupun kajian ini berfokus kepada makna visual yang berpaksikan kepada skop kecil linguistik namun kajian ini bukanlah melibatkan penghuraian yang jelas dalam aspek penilaian visual melibatkan penggunaan nilai berita.

Kajian luar negara seperti Deden Maulana & Hari Nugraha (2017) pula mengkaji penggunaan dan impak maklumat grafik dalam akhbar. Kajian ini lebih berfokus kepada pembinaan model grafik dalam berita, seperti penelitian bentuk visual dalam liputan berita dan maklumat grafik dalam ruang lingkup kewartawanan saintifik. Selain itu, Economou (2019) mengkaji semiotik sosial dalam menentukan makna visual dalam visual dan verbal dalam akhbar *The Australian* dan *The Greek*. Kajian beliau mendapati bahawa penggunaan sistem penilaian visual berperanan untuk menghuraikan gambar berita secara ideologi. Manakala pengenalan aspek semiotik telah mendorong amalan reflektif dalam kalangan pembaca sewaktu mereka cuba memahami aspek verbal dan visual dalam akhbar.

Sehubungan dengan itu, penyesuaian dan pengaplikasian kerangka Bednarek & Caple (2017) dengan memanfaatkan Analisis Nilai Berita Diskursif adalah amat relevan dalam melaksanakan kajian yang berbentuk visual selain kajian verbal. Data visual yang digunakan bersesuaian dengan kerangka yang diaplikasi. Pada masa yang sama kajian ini berupaya menyumbang pengetahuan kepada masyarakat dari pelbagai sudut selaras dengan pemahaman masyarakat tentang isu dan visual berita yang dipaparkan (Mohd Yuszaidy Mohd Yusoff & Muammar Ghaddafi Hanafiah, 2022).

METODOLOGI

Berdasarkan data dalam kajian ini, pendekatan kualitatif diketengahkan dan analisis kajian ini akan dihuraikan secara deskriptif. Kamarul Azmi Jasmi (2012) menjelaskan bahawa penyelidikan secara kualitatif dapat menghuraikan fenomena penyelidikan mengikut situasi, pengalaman, fakta, kesejarahan dan lain-lain. Kajian ini merangkumi kaedah pengumpulan maklumat dan data kajian, dan kaedah penganalisan data kajian. Dalam kajian ini, pengumpulan data kajian diperolehi berdasarkan laman sesawang. Pengumpulan data melalui laman sesawang ialah mengakses laman sesawang rasmi Utusan Malaysia di pautan <https://www.utusan.com.my>. Justifikasi penyelidik memilih data secara dalam talian di laman sesawang <https://www.utusan.com.my> kerana akhbar ini rata-ratanya memaparkan imej di setiap ruangan berbanding dengan akhbar bercetak yang hanya memaparkan imej pada berita yang dianggap eksklusif.

Hal ini memudahkan penyelidik untuk mendapatkan sumber data bagi aspek visual. Kaedah ini amat mudah diakses disebabkan oleh lamannya yang percuma, boleh diakses pada bila-bila masa, banyak pembahagian isu berita dan sebagainya.

Manakala kaedah melibatkan analisis kandungan pula, digunakan untuk tujuan penganalisan data kajian visual yang berpandukan kerangka pendekatan Bednarek & Caple (2017). Pada bahagian ini, pengkaji memilih data berdasarkan paparan visual dalam isu sosial sahaja. Isu sosial yang dipilih adalah melibatkan isu sosial dalam negara dan luar negara. Justifikasinya, isu sosial dalam negara dan luar negara berupaya menonjolkan pengkategorian nilai berita secara menyeluruh berbanding dengan isu sosial dalam negara sahaja. Pemilihan data visual ini dikumpul berdasarkan data dalam tempoh 20 bulan, yakni melibatkan data visual bulan Mei 2021 sehingga bulan Disember 2022.

Sehubungan dengan itu, data ini terbatas kepada 25 visual sahaja untuk dianalisis. Pada hemat pengkaji, bilangan data kajian sangat berpada dan isu sosial yang dibataskan dalam kajian ini dilihat berupaya menonjolkan kepelbagaian visual berbanding dengan isu berita lain. Justifikasi pengkaji memilih 25 visual kerana memadai dengan bilangan bagi setiap kategori nilai berita malah jika bilangan terlalu besar menyebabkan data berbentuk lewah dan bertindih.

Akhir sekali ialah pengumpulan dan penganalisan data visual. Pada bahagian ini, pengkaji akan mengumpul data mengikut kategori nilai berita dan data dikategorikan mengikut susunan stereotaip, keelitan, impak, negatif dan positif. Setelah dikelompokkan mengikut kategori data kemudian akan dianalisis mengikut pengkategorian berpandukan pendekatan Analisis Nilai Berita Diskursif.

KERANGKA TEORI

Kajian ini memanfaatkan penggunaan kerangka pendekatan Analisis Nilai Berita Diskursif Bednarek & Caple (2017). Penggunaan dan penyesuaian ini dilihat relevan untuk menganalisis data visual berdasarkan nilai berita dalam akhbar Utusan Malaysia. Pemanfaatan kerangka teori ini membenarkan data visual dikaji mengikut objektif yang ditetapkan. Teori Analisis Nilai Berita Diskursif (*Discursive News Value Analysis*) merupakan satu pendekatan baharu bagi analisis wacana kritis dalam akhbar yang diketengahkan oleh Bednarek & Caple (2017). Pendekatan ini disesuaikan dengan kajian ini kerana kelebihan pendekatan ini yang mampu menjelaskan secara linguistik dan separa linguistik dibincangkan dalam penyelidikan ini. Menurut Caple dan Bednarek (2016), analisis melalui teori ini dapat digunakan untuk menganalisis dan merumuskan berita dalam sesuatu peristiwa, isu atau berita melalui bahasa, fotografi, susun atur, dan sebagainya. Kerangka ini terdiri daripada sepuluh kategori nilai berita, yakni stereotaip, keelitan, impak, negatif, positif, personalisasi, proksimiti, kesangatan, kekinian dan keganjilan.

Walau bagaimanapun, kajian ini hanya terbatas dalam menyesuaikan kerangka teori dan menganalisis data berdasarkan lima kategori, iaitu stereotaip, keelitan, impak, negatif, dan positif. Hal ini kerana, kerangka yang digunakan sangat luas maka kajian ini perlu dibataskan. Oleh hal yang demikian, setiap data visual dalam akhbar ini dapat dianalisis berdasarkan pengkategorian nilai berita berdasarkan paparan visual. Oleh itu, sepuluh kategori nilai berita yang mendasari teori Analisis Nilai Berita Diskursif diketengahkan seperti berikut:

JADUAL 1. Kerangka Pendekatan Analisis Nilai Berita Diskursif oleh Bednarek & Caple 2017

Nilai Berita	
Stereotaip	Peristiwa berita yang digambarkan berdasarkan persetujuan dan keselarasan pandangan atau tindakan dalam masyarakat. Misalnya, pakaian tradisional atau aksi yang melambangkan kewarganegaraan, kumpulan tertentu, kaum, budaya, dan acara secara meluas.
Keelitan	Peristiwa yang terdiri daripada status sosial, kuasa, selebriti, individu terkenal, peristiwa, bangsa, dan benda. Misalnya, individu dalam bidang profesional, kemasyhuran, kekuasaan dan apa-apa yang menggambarkan keelitan.
Impak	Peristiwa yang mempunyai kesan atau akibat penting dalam masyarakat, tetapi tidak memberi kesan kepada pembaca sasaran sahaja. Misalnya, bencana alam, kecelakaan, dan sebagainya.
Negatif	Peristiwa yang menonjolkan kenegatifan peristiwa yang boleh dilihat berdasarkan emotif, perbuatan, tindakan, emosi dan sikap.
Positif	Peristiwa ditonjolkan berdasarkan nilai positif dari sudut emotif, perbuatan, tindakan, emosi dan sikap yang bertentangan dengan nilai berita negatif.

Personalisasi	Peristiwa yang dibina secara diskursif mempunyai wajah individu biasa tanpa Melibatkan individu elit termasuklah seseorang saksi peristiwa.
Proksimiti	Peristiwa yang menggambarkan kedekatan geografi atau budaya yang paling hampir dengan lokasi dan jarak penerbitan atau pembaca sasaran.
Kesangatan	Peristiwa yang ditonjolkan melibatkan skala yang besar seperti, unsur kesangatan melibatkan sesuatu bilangan, jumlah, saiz entiti dan aspek lain.
Kekinian	Peristiwa berdasarkan ciri-ciri waktu atau unsur temporal dalam peristiwa, seperti trend semasa dan sebagainya.
Keganjilan	Peristiwa berita yang menonjolkan kejanggalan, kepelikan, kejadian yang belum pernah berlaku, jarang berlaku, dan perbandingan yang menunjukkan ketaklaziman dalam berita yang pernah dilaporkan.

Sebagaimana dalam kerangka teori yang dipelopori oleh Bednarek & Caple (2017), ternyata lima kategori nilai berita amat relevan dan mencukupi dalam menganalisis data visual akhbar yang dikaji ini. Lima kategori utama nilai berita dalam visual dilihat lebih sesuai untuk dianalisis. Hal ini kerana, elemen yang terkandung lebih menyerlahkan latar belakang akhbar dan kekerapan visual yang terdapat dalam akhbar Utusan Malaysia. Oleh hal yang demikian, penyesuaian dan pengaplikasian kerangka berdasarkan lima kategori nilai berita akan diaplikasi dalam setiap data visual yang dianalisis secara sistematik dan holistik.

DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Bahagian ini membincangkan dapatan kajian dalam data visual akhbar Utusan Malaysia berpandukan Teori Analisis Nilai Berita Diskursif yang mendasari pendekatan linguistik dan separa linguistik. Berikut diketengahkan dapatan dan perbincangan data visual berdasarkan lima kategori utama pada subbahagian di bawah.

NILAI BERITA STEREOTAIP

Berdasarkan dapatan analisis nilai berita stereotaip dalam visual akhbar Utusan Malaysia, nilai berita yang digambarkan mewakili visual penyokong kelab bola sepak di Malaysia, pakaian tradisional dan budaya kaum etnik di Malaysia dan pakaian tradisional Melayu. Untuk menjelaskan gambaran visual dalam akhbar Utusan Malaysia ini, gambar 1 memaparkan visual perlawanan bola sepak yang dilihat sebagai sukan utama di Malaysia selain menarik minat penyokong untuk turut serta menyaksikan perlawanan tersebut. Penyokong juga dilihat memakai jersi kelab bola sepak yang diminati sewaktu perlawanan, menyanyikan lagu pasukan untuk menggambarkan kesetiaan dan sokongan mereka. Begitu juga visual dalam gambar 2 dan 3 yang menonjolkan pakaian tradisional kaum dan budaya Koisaan dan Melayu. Pakaian tradisional dalam gambar sememangnya melambangkan identiti sesebuah kaum kepada masyarakat berdasarkan keunikan yang dimiliki oleh setiap kaum.

Sepertimana yang ditonjolkan dalam visual nilai berita stereotaip, nilai berita ini dapat diramal oleh pembaca tentang sesuatu peristiwa yang dikaitkan dengan, pakaian tradisional atau aksi yang melambangkan kewarganegaraan, kumpulan tertentu, kaum, budaya, dan acara secara meluas. Dalam hal ini, unsur stereotaip berpegang teguh dengan pola yang ditetapkan sebagai ciri stereotaip oleh masyarakat. Pada masa yang sama pemaparan visual berita ini juga

mempunyai makna dan fungsi tertentu yang disampaikan oleh pengarang kepada pembaca. Kesemua bentuk visual ini menunjukkan hubungannya dengan masyarakat melalui kognitif dan pengetahuan mereka tentang gambaran yang diketengahkan. Ia dilihat sebagai satu ciri ketetapan yang selaras dengan pandangan masyarakat tentang apa yang ditanggapi.

Sebagai contoh, kesemua ciri stereotaip ini juga berupaya menonjolkan keinginan pengarang dalam mengketengahkan kelangsungan peristiwa yang membawa kepada kesepakatan dalam kalangan masyarakat di Malaysia. Hal ini dapat membangkitkan semangat setia lawan atau penyokong mahupun kaum dan kelompok etnik di Malaysia. Oleh hal yang demikian, ciri-ciri visual ini yang terdiri daripada unsur stereotaip memberi kesan yang besar kepada pembaca berdasarkan dominasi pengarang yang dimuatkan dalam isu sosial. Disenaraikan beberapa contoh visual dalam akhbar Utusan Malaysia yang terdiri daripada nilai berita stereotaip dan diketengahkan seperti berikut:



GAMBAR 1. Penyokong Kelab Bola JDT
Sumber: Utusan Malaysia



GAMBAR 2. Kaum dan budaya Koisaan
Sumber: Utusan Malaysia



GAMBAR 3. Kaum dan budaya Melayu
Sumber: Utusan Malaysia

NILAI BERITA KEELITAN

Dapatan analisis nilai berita keelitan dalam visual berita akhbar Utusan Malaysia menunjukkan cirinya terdiri daripada Pemangku Raja Pahang dan kaum kerabat Diraja, iaitu Tengku Hassanal Ibrahim Alam Shah, mantan Perdana Menteri Malaysia ke-9 iaitu Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, selebriti Malaysia atau penyanyi nombor satu negara, Datuk Seri Siti Nurhaliza dan ketua polis negara, Datuk Seri Acryl Sani Abdullah Sani. Hal ini selaras dengan kenyataan Bednarek & Caple (2017) bahawa kebolehcaman individu yang mendasari nilai berita elit dikesan berdasarkan, status sosial, sifat, pakaian rasmi, urutan aktiviti dan konteks di mana peserta imej berada yang dapat menyumbang kepada pembinaan tentang status seseorang. Dalam hal ini, ciri status, gelaran, kekayaan dan kekuasaan dapat dilihat dalam keempat-empat gambar. Gambar 4 yang mewakili imej Tengku Hassanal Ibrahim Alam Shah sememangnya menonjolkan darjah tertinggi dalam status sosial masyarakat di negara dan dikenali sebagai Pemangku Raja Pahang dan berketurunan Diraja. Selain itu, pakaian rasmi Diraja menunjukkan perbandingan dengan masyarakat biasa selain warna kuning yang lazimnya diasosiasikan dengan kerabat Diraja, seperti tengkolok Diraja, gendik Diraja, dan kalung Diraja.

Manakala, gambar 5 pula menunjukkan mantan Perdana Menteri Malaysia ke-9 Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob yang dikenali sebagai Perdana Menteri yang mengambil alih kuasa pentadbiran kerajaan sewaktu wabak Covid-19 hampir reda dan jasa beliau masih diingati sehingga hari ini. Gambar 6, menunjukkan idola nombor satu negara, iaitu Datuk Seri Siti Nurhaliza yang sentiasa dihormati dan dikagumi oleh semua rakyat Malaysia. Visual dalam gambar 7 menunjukkan Tan Sri Acryl Sani Abdullah Sani memegang jawatan sebagai Ketua Polis Negara ke-13 yang bertanggungjawab menjaga keselamatan negara.

Sebagaimana yang ditonjolkan dalam gambar, ternyata peserta (individu) dalam gambar lebih dikenali oleh masyarakat berbanding dengan masyarakat umum. Oleh itu, setiap gambar yang mewakili individu menggambarkan individu utama yang dikenali secara meluas dan mudah dikenali berdasarkan nilai berita keelitan ini. Maka, setiap ciri-ciri visual dalam akhbar Utusan Malaysia memperkukuh keelitan yang telah dibina melalui kebolehkenalan melalui status, kuasa, taraf sosial, kemewahan, kemasyhuran dan lain-lain yang selaras dengan prinsip dan pendekatan Bednarek & Caple (2017). Contoh visual dalam Utusan Malaysia yang mendasari nilai berita keelitan diketengahkan dalam beberapa contoh visual di bawah:



GAMBAR 4. Tengku Hassanal Ibrahim Alam Shah
Sumber: Utusan Malaysia



GAMBAR 5. Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob
Sumber: Utusan Malaysia



GAMBAR 6. Datuk Seri Siti Nurhaliza
Sumber: Utusan Malaysia



GAMBAR 7. Tan Sri Acryl Sani Abdullah Sani
Sumber: Utusan Malaysia

NILAI BERITA IMPAK

Analisis data visual bagi nilai berita impak dalam visual akhbar Utusan Malaysia terdiri daripada peristiwa bencana alam secara keseluruhan. Misalnya, visual yang diketengahkan melibatkan peristiwa kejadian tanah runtuh, banjir dan kemalangan maut. Kesemua visual yang diketengahkan menunjukkan impak yang besar kepada pembaca dari sudut emosi dan mental secara mendalam. Ini termasuklah pengalaman mangsa itu sendiri, pengalaman pembaca atau impak langsung daripada peristiwa tersebut. Bagi melihat visual nilai berita ini dengan jelas, visual yang diketengahkan dalam gambar 8, 9 dan 10 di bawah mewakili binaan nilai berita impak berdasarkan isu sosial dalam akhbar Utusan Malaysia.

Setiap visual dalam gambar menunjukkan impak secara langsung dan punca kejadian yang berlaku. Sebagai contoh, gambar 8 dapat dilihat berdasarkan impak visual kejadian tanah runtuh. Peristiwa kejadian tanah runtuh lazimnya diasosiasikan dengan kemalangan jiwa, kerosakan dan kemusnahan harta benda secara total. Manakala gambar 9 pula memaparkan peristiwa banjir yang menyebabkan kebimbangan, kemusnahan dan kehilangan tempat tinggal. Visual akhir dalam gambar 10 yang mendasari nilai berita ini pula menunjukkan tragedi kemalangan jalan raya sehingga menyebabkan kenderaan yang rosak teruk dan mengakibatkan kehilangan nyawa dan orang di sekeliling. Ketiga-tiga gambar ini mewakili visual nilai berita impak yang memberikan kesan berpanjangan kepada pembaca. Dapat dijelaskan bahawa hal ini menonjolkan pemvisualan berita dalam nilai berita impak berdasarkan pemilihan visual yang diketengahkan oleh pengarang kepada pembaca, yakni setiap peristiwa dalam visual mempunyai kecenderungan yang tinggi dalam penglibatan kesan emosi dan mental pembaca disebabkan oleh visual yang jelas dan nyata dalam peristiwa yang dipaparkan.

Pada masa yang sama, visual nilai berita ini juga boleh dikategorikan sebagai berita berat dan boleh dikatakan bahawa kebanyakan visual dalam nilai berita impak lazimnya diambil selepas peristiwa berita ini berlaku (Darwalis Sazan, 2021). Namun begitu, adapun visual peristiwa kejadian ini yang diambil secara langsung hanyalah secara kebetulan, terperangkap dalam kejadian sesuatu peristiwa atau peristiwa yang dapat diramal dan sanggup mempertaruhkan keselamatan mereka sendiri untuk mendapatkan imej dan visual kejadian berita dari awal hingga akhir (Trust Matsilele, 2016). Berikut merupakan beberapa contoh visual yang mencakupi nilai berita impak dalam akhbar Utusan Malaysia:



GAMBAR 8. Kejadian tanah runtuh
Sumber: Utusan Malaysia



GAMBAR 9. Kejadian banjir
Sumber: Utusan Malaysia



GAMBAR 10. Kejadian kemalangan
Sumber: Utusan Malaysia

NILAI BERITA NEGATIF

Pada bahagian ini, dapatan analisis menunjukkan bahawa visual kematian, krisis politik dan keganasan, peperangan dan jenayah terangkum sebagai nilai berita negatif dalam isu sosial akhbar Utusan Malaysia secara keseluruhan. Keempat-empat gambar di bawah menunjukkan peristiwa yang mempunyai nilai kenegatifan yang tinggi berdasarkan aspek emotif, perbuatan, tindakan, emosi dan sikap. Hal ini selaras dengan kenyataan Bednarek & Caple (2017: 85) berdasarkan ciri-ciri nilai berita ini yang menekankan unsur negatif berdasarkan tindakan, emosi, tingkah laku, dan sikap. Berdasarkan gambar 11, visual kematian menunjukkan unsur negatif, yakni mangsa terbaring di tengah jalan dan ditutup dengan kain semasa menunggu bantuan tiba di tempat kejadian peristiwa. Gambar 12 menunjukkan tiga orang tentera Israel mengheret orang awam secara paksa untuk dijadikan mangsa tahanan. Gambaran ini juga menonjolkan pergolakan krisis politik negara yang terlibat dan keganasan yang melampau melibatkan orang awam.

Manakala gambar 13 pula menunjukkan visual peperangan antara negara. Visual sebegini menunjukkan ketidakharmonian dan ketidakamanan yang berlaku dalam dunia hari ini yang boleh mengakibatkan sejumlah nyawa manusia terkorban. Gambar 14 pula, menunjukkan

visual sekumpulan penjenayah yang berjaya diberkas akibat daripada perbuatan jenayah terancang dalam beberapa kejadian jenayah yang berlaku di dalam negara.

Sebagaimana visual dalam imej yang mendasari nilai berita negatif, keempat-empat visual menunjukkan bahawa pengarang sebenarnya mempengaruhi tumpuan pembaca berdasarkan peserta yang ditumpukan dalam gambar tersebut. Oleh itu, visual ini berupaya menghubungkan bahaya, konflik, dan ketegangan berdasarkan pemilihan visual pengarang. Dalam hal ini, pembaca turut terkesan dengan segala isu yang diketengahkan disebabkan wujudnya interaksi dengan pembaca berdasarkan kelangsungan peristiwa.

Contohnya, dalam setiap visual pengarang lebih mengutamakan tumpuan pembaca ke arah peserta, lokasi atau tempat, dan bilangan mangsa dalam visual. Oleh hal yang demikian, dapatlah dirumuskan bahawa dalam visual nilai berita negatif pengarang lebih cenderung menengahkan kesan negatif secara langsung dengan menyelitkan peristiwa kematian, krisis politik dan penderitaan manusia, peperangan dan jenayah dalam akhbar Utusan Malaysia.



GAMBAR 11. Kematian
Sumber: Utusan Malaysia



GAMBAR 12. Krisis politik dan penderitaan manusia
Sumber: Utusan Malaysia



GAMBAR 13. Peperangan
Sumber: Utusan Malaysia



GAMBAR 14. Jenayah
Sumber: Utusan Malaysia

NILAI BERITA POSITIF

Merujuk dapatan analisis dalam nilai berita positif akhbar Utusan Malaysia, didapati peristiwa berita melibatkan visual kemenangan dan bantuan mendasari nilai berita ini. Setiap visual yang

digambarkan menghubungkan nilai positif peristiwa kepada pembaca berdasarkan unsur kemenangan dan bantuan. Sebagai contoh, gambar 15 menunjukkan peristiwa kemenangan dan kejuaraan sesebuah pasukan bola sepak negara. Kemenangan dan kejuaraan pasukan bola sepak negara menyumbang kepada kegembiraan dan nilai yang positif dalam kalangan masyarakat khususnya pembaca selain kemenangan ini mengharumkan nama Malaysia di mata dunia. Dalam visual ini, bendera Malaysia dan skuad bola sepak negara melambangkan kemenangan yang besar buat negara. Bagi gambar 16 dan 17 pula menunjukkan nilai positif berdasarkan misi bantuan negara ke luar negara dan misi bantuan dalam negara. Misi ini menggambarkan pertolongan, bantuan, keselamatan dan kegembiraan untuk semua masyarakat. Hal ini juga dinilai positif berdasarkan faktor kemanusiaan yang tinggi walaupun berlainan status sosial, bangsa, negara dan agama. Setiap visual yang digambarkan sememangnya mendasari perspektif nilai positif terhadap pembaca di samping kecenderungan pengarang menggunakan pemilihan visual yang berunsur positif dan kesan positif melalui tindakan, sikap dan tingkah laku peserta untuk dihubungkan dalam setiap peristiwa ini.

Sehubungan dengan itu, ciri nilai berita positif ini dihubungkan dengan ekspresi wajah, tindakan, perasaan dan gerak isyarat atau postur yang mewakili visual dalam gambar 15, 16 dan 17. Dalam konteks ini, nilai kepositifan yang wujud dalam setiap visual ini sejajar dengan peristiwa yang dinilai secara positif dalam masyarakat.



GAMBAR 15. Kemenangan skuad bola sepak Malaysia
Sumber: Utusan Malaysia



GAMBAR 16. Misi bantuan ke negara luar
Sumber: Utusan Malaysia



GAMBAR 17. Misi bantuan dalam negara
Sumber: Utusan Malaysia

KESIMPULAN

Kesimpulannya, kajian ini telah pun berjaya membincangkan dan merincikan penganalisan visual nilai berita dalam akhbar Utusan Malaysia berdasarkan lima kategori utama nilai berita yang berpandukan Teori Analisis Nilai Berita Diskursif. Setiap analisis yang dijalankan ke atas visual nilai berita dikesan mempunyai bentuk visual tersendiri yang mendasari nilai berita tersebut. Pemilihan setiap visual oleh pengarang dalam akhbar Utusan Malaysia juga diselaraskan dengan nilai berita yang mendasari visualnya dalam isu sosial. Pada masa yang sama, ciri-ciri visual yang dipilih oleh pengarang mempunyai tujuan dan signifikansi sehingga memberi kesan psikologi kepada pembaca tentang apa-apa isu sosial yang diketengahkan sama ada melibatkan peristiwa yang memberi stereotaip, impak, keelitan, negatif dan positif. Berdasarkan kepada perbincangan dan hasil kajian, ternyata ciri media dan linguistik dapat dijelaskan secara linguistik dan separa linguistik walaupun hanya secara visual. Pengkategorian visual mengikut kerangka pendekatan Bednarek & Caple berhasil menjelaskan pengisian visual dalam cakupan linguistik dan media. Dapatlah disimpulkan bahawa setiap visual nilai berita dalam lima kategori utama telah berjaya dikesan dalam akhbar Utusan Malaysia untuk paparan pembaca. Kajian ini juga mengharap agar pengkaji baharu berjaya memperoleh dapatan yang lebih sistematik selain berupaya memperluaskan kajian wacana akhbar berbahasa Melayu terutamanya dari aspek kajian yang berbeza, seperti perkaitan visual dan verbal.

RUJUKAN

- Trust Matsilele. (2016). Citizen Witnessing: Revisioning Journalism in Times of Crisis. *African Journalism Studies*. 37(4):137-140.
- Asim Imran. 2022. News Values, Older people and Journalistic Practices in Australia and Malaysia. *Platform: Journal of Media and Communication*. 9(2), 55-76.
- Barthes, R. 1977. *Image, Music, Text*. London: Fontana.
- Bednarek, M & Caple, H. 2017. *The Discourse of News Value: How News Organizations create Newsworthiness*. U.S: Oxford University Press.
- Caple Helen & Bednarek Monica. 2016. Rethinking news values: What a discursive approach can tell us about the construction of news discourse and news photography. *Journalism*, 17(4), 435-455.
- Chamil Wariya. 2008. *Penulisan berkesan media cetak, elektronik dan web*. Kuala Lumpur: Malaysia Press Institute.
- Darwalis Sazan, Noriah Mohamed, Md Zahril Nizam & Sa'adiyah Ma'alip. (2021). Verbal Berita Terpilih dalam Akhbar Malaysiakini. *Jurnal Melayu*, 20(1), 19-37.
- Darwalis Sazan. 2021. *Analisis Diskursif Berita Terpilih dalam Akhbar Malaysiakini*. Tesis Doktor Falsafah. Universiti Sains Malaysia.
- Deden Maulana & Hari Nugraha. 2017. Peranan Visual Infografis Pada Surat Khabar. *Ideology*, 2(1), 70-100.
- Ezal Daud, Ruslan Abd. Rahim, Saiful Akram Che Cob. 2020. Pembangkaian Visual Iklan Hari Kemerdekaan Malaysia Dalam Akhbar Utusan Melayu / Malaysia Tahun 1957 hingga 2007, 8(2), 13-20.
- Hasmidar Hassan, Nurerma Aida Abdul Rahman & Norsofiah Abu Bakar. 2022. Analisis Pragmatik Kecenderungan Pelaporan Akhbar Berbahasa Melayu di Malaysia berdasarkan Elemen Bahasa. *Jurnal Pengajian Melayu*. 33(2), 2022: 83-97.
- Huan Changpeng. 2015. 'Journalistic Stance in Chinese and Australian Hard News'. PhD thesis, Maccquarie University, Australia.

- Jamilah Hamzah, Khairunnisa Kamal Azi, Nurul Hidayah Hamid, Wan Mohd Noor Hafiz Wan Mansor, Norsiah Abdul Hamid. 2020. Perubahan Landskap Teknologi Media: Kesan, Cabaran dan Masa Depan Dunia Kewartawanan. *International Journal of Modern Trends in Social Sciences (IJMTSS)*, 3(14), 184-195.
- Kamarul Azmi Jasmi. 2012. Metodologi Pengumpulan Data dalam Penyelidikan Kualitatif. Dalam *Persidangan Kursus Penyelidikan Kualitatif Siri 1 2012*. 1-18.
- Makki Mohammad. 2019. 'Discursive news values analysis' of Iranian crime news reports: Perspectives from the culture'. *Discourse & Communication*, 13(4), 437-460.
- Muliyati Mat Alim, Abdul Halim Husain, Muhammad Zaffwan Idris & Mohd Fauzi Harun. (2019). Retorik Visual Sebagai Medium Komunikasi Iklan Pesanan Khidmat Masyarakat: Persepsi Pelajar dan Pereka: Visual Rhetoric as a Communication Medium of Public Service Advertising: Perception of Students and Designers. *Journal of Management and Muamalah*, 9(2), 27 - 43.
- Matthiessen, Christien Martin. 1991. 'Systemic typology and topology'. In F. Christie (Ed.). *Literacy in Social Processes*, 345-383. Darwin: Centre for Studies in Language in Education, Northern Territory University.
- Montgomery Martin. 2007. *The Discourse of Broadcast News: A Linguistic Approach*. New York: Routledge.
- Mohd Hamdan Adnan. 2015. Peranan media massa memartbatkan integriti nasional. *Jurnal Komunikasi Borneo*, 2, 57-74.
- Mohd Yahya Mohamed Ariffin. 2004. Penggunaan Berita Foto Daripada Agensi berita Antarabangsa dalam utusan Malaysia dan New Straits Times di kejohanan Bola Sepak Piala Dunia 2002. *Jurnal Pengajian Media Malaysia*. 3(2), 53-64.
- Mohd Yuszaidy Mohd Yusoff & Muammar Ghaddafi Hanafiah. 2022. Eksplorasi Budaya di Malaysia. *Jurnal Melayu*, 21(2), 149-152.
- Mus Chairil Samani & Badrul Redzuan Abu Hassan. 2008. Antara Pati dan TKI: Analisis Visual Utusan Malaysia dan Berita Harian. 5(1), 35-43.
- Normah Mustaffa, Nurul Ain A. Hamid, Faridah Ibrahim, Fauziah Ahmad & Mohd Helmi Abd Rahim. 2021. Visual dan Pemberitaan Perang Dalam Media di Malaysia. *Jurnal Pengajian Media Malaysia Malaysian Journal of Media Studies*, 13(2), 65-74.
- Normah Mustaffa & Faridah Ibrahim. 2018. Pembungkahan Visual Berita Krisis Lahad Datu. *Jurnal Komunikasi Malaysian Journal of Communication*, 34(1), 170-184.
- Utusan Malaysia. 2022. 14 dituduh anggotai kumpulan jenayah terancang Geng Chandra. [https://www.utusan.com.my/nasional/2022/06/14-dituduh-Utusan Malaysia](https://www.utusan.com.my/nasional/2022/06/14-dituduh-Utusan_Malaysia). (Diakses pada 10 April 2023).
- Utusan Malaysia. 2021. Abdul Hamid bersara, Acryl Sani Ketua Polis Negara ke-13. <https://www.utusan.com.my/berita/2021/05/abdul-hamid-bersara-acryl-sani-ketua-polis-negara-ke-13/> (Diakses pada 19 Mac 2023).
- Utusan Malaysia. 2022. JDT sapu bersih Piala Bolasepak Malaysia. <https://www.utusan.com.my/galeri/2022/11/jdt-fc-sapu-bersih-piala-bolasepak-malaysia/> (Diakses pada 31 Mac 2023).
- Utusan Malaysia. 2022. Kampung Budaya Koisaan ibarat muzium hidup. <https://www.utusan.com.my/premium/2022/08/kampung-budaya-koisaan-ibarat-muzium-hidup/> (Diakses pada 27 Mac 2023).
- Utusan Malaysia. 2022. Kenapa Perlu Import Sari, Veshti? <https://www.utusan.com.my/rencana/2022/05/kenapa-perlu-import-sari-veshti/> (Diakses pada 3 April 2023).

- Utusan Malaysia. 2022. Konflik Russia-Ukraine tamat tanpa AS. <https://www.utusan.com.my/luar-negara/2022/02/konflik-russia-ukraine-tamat-tanpa-as/> (Diakses pada 20 April 2023).
- Utusan Malaysia. 2022. Maloney mahu berehat dulu. <https://www.utusan.com.my/terkini/2022/07/maloney-mahu-berehat-dulu/> (Diakses pada 22 April 2023).
- Utusan Malaysia. 2022. Murid-murid Sekolah Tengku Budriah berbusana tradisional sambut merdeka. <https://www.utusan.com.my/berita/2022/08/murid-murid-sekolah-tengku-budriah-berbusana-tradisional-sambut-merdeka/> (Diakses pada 5 April 2023).
- Utusan Malaysia. 2022. Pendaki terduduk, pegang dada sebelum mati. <https://www.utusan.com.my/berita/2022/09/pendaki-terduduk-pegang-dada-sebelum-mati/> (Diakses pada 20 April 2023).
- Utusan Malaysia. 2022. Penuntut UPNM maut, tiga rakan cedera kereta terlibat kemalangan. <https://www.utusan.com.my/nasional/2022/08/penuntut-upnm-maut-tiga-rakan-cedera-kereta-terlibat-kemalangan/> (Diakses pada 3 April 2023).
- Utusan Malaysia. 2022. Pesakit Omicron pulih tiga hari lebih awal dari Delta. <https://www.utusan.com.my/luar-negara/2022/04/pesakit-omicron-pulih-tiga-hari-lebih-awal-dari-delta/> (Diakses pada 25 Mac 2023).
- Utusan Malaysia. 2022. Saifuddin lancar misi bantuan ke Afghanistan. <https://www.utusan.com.my/nasional/2022/02/saifuddin-lancar-misi-bantuan/> (Diakses pada 1 April 2023).
- Utusan Malaysia. 2021. Sepakat selamatkan Keluarga Malaysia – Ismail Sabri. <https://www.utusan.com.my/terkini/2021/08/sepakat-selamatkan-keluarga-malaysia-ismail-sabri/> (Diakses pada 12 April 2023).
- Utusan Malaysia. 2022. Siti Nurhaliza mahu cipta kenangan manis peminat. <https://www.utusan.com.my/nasional/2022/10/siti-nurhaliza-mahu-cipta-kenangan-manis-peminat/> (Diakses pada 1 April 2023).
- Utusan Malaysia. 2022. Tindakan segera perlu diambil atasi ancaman ekosistem. <https://www.utusan.com.my/nasional/2022/04/tindakan-segera-perlu-diambil-atasi-ancaman-ekosistem/> (Diakses pada 1 April 2023).
- Utusan Malaysia. 2022. Zionis tuntutan PBB bubar siasatan perang Israel-Palestin. <https://www.utusan.com.my/luar-negara/2022/08/zionis-tuntut-pbb-bubar-siasatan-perang-israel-palestin/> (Diakses pada 20 April 2023).
- Rohayati Paidi & Asmadi Hassan. 2021. Berita Pakatan Harapan: Analisis Terhadap Tingkah Laku Pengguna Media Sosial. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication* 37(3), 18-37.
- Roosfa Hashim, (2012) Bentuk budaya asing dalam majalah dan komik remaja di pasaran tempatan. *Jurnal Melayu*, (9), 85-98
- Sarimah Ismail, & Hamed Mohd Adnan. 2011. Profil Ruangan dalam akhbar Utusan Malaysia dan Berita Harian. *Jurnal Pengajian Media Malaysia*, 13 (2), 75-91.
- Shahrul Nazmi Sannusi & Hamed Mohd Adnan. 2014. Kelangsungan penerbitan majalah berbahasa Melayu di Malaysia-Indonesia: Kajian terhadap Massa dan Tempo. *Jurnal Melayu*, 13, 29-39.
- Shahrul Nazmi Sannusi & Normah Mustafa. 2015. Akhbar versi digital: Implikasi terhadap trend sirkulasi akhbar bercetak di Malaysia. *Jurnal Komunikasi*, 31(2), 687-701.
- Sharul Nazmi Sannusi & Ong Yi Min. 2016. Strategi Pemilihan Berita Halaman Hadapan Akhbar Berbahasa Melayu dan Cina: Kajian terhadap Berita Harian dan China Press. *Jurnal Melayu*. 15(1), 14-25.

- Siti Suriani Othman, Liana Mat Nayan, Lee Kuok Tiung & Nik Norma Nik Hassan. 2018. Masa Hadapan akhbar Malaysia dalam masyarakat jaringan. *Jurnal Komunikasi*. 34(4), 214-231.
- Varzandeh Somi. 2018. The impact of technology on journalism. *International Journal of Advance Engineering and Research Development*. 5(2), 550-555.
- Zaim Aiman Ibrahim, & Shahreen Mat Nayan. 2018. Kewartawanan advokasi: Elemen advokasi utusan pengguna sebagai alat sokongan rakyat. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*, 34 (3), 326-348.

Biodata Penulis:

Darwalis Sazan (PhD) merupakan Pensyarah Kanan di Pusat Pengajian Pendidikan Jarak Jauh, Bahagian Kursus Universiti, Universiti Sains Malaysia. Bidang kepakaran beliau ialah analisis wacana, analisis wacana kritis, wacana media, semantik dan fonetik dan fonologi.